



**IKLAN PENGAMBILAN
PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM (PEGAWAI PENYELIDIK) GRED S41
PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN**

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkeelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S41

Taraf jawatan : Kontrak (*Contract of Service*)
Bayaran Gaji : RM2,078.00 Minima
Bilangan Jawatan : Enam (6)
Penempatan : Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan

DESKRIPSI TUGAS

1. Melaksanakan penyelidikan berkaitan hukum syarak bagi tujuan kefatwaan dan pandangan hukum di Wilayah Persekutuan.

SYARAT PERMOHONAN

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Berkelulusan:
 - i. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
[Gaji Permulaan pada Gred S41: RM2,078.00]
 - ii. Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
[Gaji Permulaan pada Gred S41: RM2,281.86]
 - iii. Memiliki kepujian sekurang-kurangnya Gred C dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Keutamaan:

4. Mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam bidang kefatwaan dan penyelidikan
5. Penguasaan yang baik dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab.
6. Mempunyai kemahiran dalam bidang ICT dan Multimedia

CARA MEMOHON

1. Sila kemukakan *resume*, salinan kad pengenalan, salinan sijil dan transkrip akademik serta salinan sijil-sijil lain yang berkaitan melalui pos ke alamat berikut:

Bahagian Khidmat Sokongan

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan
Aras 5, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya
No. 3, Jalan Tun Abdul Razak
Presint 3, 62100 PUTRAJAYA

(u.p: Encik Ahmad Noor Syaiful Azmi bin Mohammad Noor)

2. Sila tuliskan nama jawatan yang dimohon di sebelah kiri (atas) sampul surat.
3. Sila pastikan alamat e-mel dan nombor telefon untuk dihubungi adalah yang terkini dan aktif.

PERHATIAN

Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk menghadiri sesi temu duga.

Tarikh Tutup Permohonan: 30 SEPTEMBER 2023